

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 7 TAHUN 2020

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2020 (RABU)
MASA : 8.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MARCO POLO 1 & 2
HOTEL HATTEN, MELAKA

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.*- Pengerusi (Yang Dipertua)
2. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
3. Encik Mat Irwan bin Ismail - Ahli Majlis
4. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
5. Encik Ang Eu Liang - Ahli Majlis
6. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
7. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
8. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
9. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
10. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
11. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
12. Encik Munusamy a/l Erishin - Ahli Majlis
13. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
14. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
15. Encik Baharudin bin Misran, *P.J.K.* - Ahli Majlis
16. Encik Sethupathy a/l Subramaniam - Ahli Majlis
17. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
18. Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam - Ahli Majlis
19. Encik Low Kok Hua - Ahli Majlis
20. Encik Mohd Yasin bin Alwi, *A.I.S.* - Setiausaha

TURUT HADIR

1. Encik Miskon bin Haji Karim,*A.I.S., P.P.T.* - Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Kamarulzaman bin Ahmad,*P.J.K.* - Pengarah Jabatan Perbendaharaan
3. Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat,*A.M.S., P.P.T., P.K.T.*- Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
4. Encik Zulkefli bin Mohamed Arif,*P.P.T.* - Pengarah Jabatan Kejuruteraan
5. Tuan Haji Zailani bin Hashim,*P.P.T., P.K.T.* - Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
6. Encik Hishamuddin bin Ismail,*P.P.T.* - Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Syamsol Herwan bin Ahmad - Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
8. Puan Lisawati binti Abd. Karim - Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
9. Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap - Pengarah Jabatan Landskap
10. Puan Nordila binti Yasir - Pengarah Jabatan Pelesenan
11. Puan Hashila binti Hamzah - Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
12. Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim - Ketua Unit OSC
13. Ybhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@ Subaramaniam - Ketua Unit Audit Dalam
14. Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin - Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
15. Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni - Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
16. Puan Norain binti Mohamed - Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
17. Encik Mohd Khairul Anuar bin Zainois - Wakil Ketua Unit Perundangan

18. Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin - Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.* - Ahli Majlis
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Langat
2. Encik Rosdi bin Meor Endut - Ahli Majlis

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. Tuan Haji Fauzi bin Din, *PJK* - Pegawai Undang-Undang
2. Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus - Penolong Pegawai Tadbir
3. Puan Nor Zilawati binti Sulaiman - Pembantu Tadbir Kanan
4. Puan Rosmawati binti Othman - Pembantu Setiausaha Pejabat
5. Puan Nur Hazlynda binti Sahimi - Pembantu Setiausaha Pejabat
6. Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil - Pembantu Operasi
7. Encik Mohd Sahlan bin Tukiran - Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	<u>UCAPAN Pengerusi</u>		
	<p>Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Mesyuarat pada mesyuarat hari ini. Tuan Pengerusi menyampaikan salam takziah kepada Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed AlHaj di atas pemergian salah seorang ahli keluarganya pada pagi ini.</p>		
2.0	<u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</u>		
	2.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 6 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 21 OGOS 2020	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Cik Ang Lee Yong dan disokong oleh Encik Ang Eu Liang tanpa pindaan.	Makluman
3.0	<u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u>		
		- TIADA -	
4.0	<u>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u>		
	4.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 7 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 SEPTEMBER 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	4.2	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 6 TAHUN	

		2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 SEPTEMBER 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	4.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 5 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 SEPTEMBER 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
		<p>Perkara 5.6.1</p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan terdapat mercu tanda berbentuk perkataan “Kuala Langat” yang sedang dibina berhampiran premis Starbucks Banting.</p> <p><i>Pengarah JL memaklumkan mercu tanda tersebut dibina menggunakan peruntukan Caj Pemajuan dan masih belum siap sepenuhnya. Apabila ia telah siap dibina, kerja-kerja pembersihan tapak akan dibuat supaya mercu tanda tersebut boleh dilihat daripada Jambatan Telok Datok.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi meminta JPL memaklumkan kepada pemilik Starbucks Banting supaya memperkemaskan premis mereka sebagai salah satu usaha untuk menarik lebih ramai pengunjung.</i></p>	Makluman
	4.4	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 7 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 SEPTEMBER 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	4.5	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 7 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 SEPTEMBER 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	

	4.5.1	<p><u>Perkara 2.0</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong memohon penerangan mengenai cadangan pembangunan prasarana berintegrasi sistem telekomunikasi yang telah dibentangkan dalam mesyuarat ini.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan pihak Majlis akan mengeluarkan surat niat untuk menjemput pihak syarikat hadir ke MPKL bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut. Apabila ia telah dipersetujui, satu surat pelantikan akan dikeluarkan kepada syarikat tersebut.</i></p> <p><i>Ahli Mesyuarat menyatakan tempoh konsesi selama 15 tahun adalah terlalu panjang. Oleh itu, pihak Majlis perlu menetapkan satu tempoh konsesi yang lebih sesuai.</i></p> <p><i>Encik Gan Yee Chin ingin tahu sama ada pihak Majlis akan menyediakan satu lokasi lain sekiranya tiang-tiang ini terpaksa dipindahkan kerana terdapat pembangunan di kawasan tersebut pada masa akan datang.</i></p> <p><i>Tuan Setiausaha memaklumkan perkara ini masih dalam peringkat rundingan dan pihak Majlis akan melihat cadangan ini daripada pelbagai sudut seperti kesesuaian lokasi, kadar sewa, tempoh konsesi dan sebagainya.</i></p>	Makluman
	4.5.2	<p>Encik Baharudin mencadangkan supaya Program Retreat Ahli Majlis dapat diadakan pada tahun ini memandangkan tempoh perkhidmatan Ahli Majlis akan tamat pada tahun 2020 ini.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan cadangan tersebut telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penyediaan Bajet Tahun 2021 MPKL yang telah diadakan pada 22 September 2020 dan berharap Ahli Majlis akan menyediakan kertas kerja berkaitan cadangan tersebut untuk pertimbangan pihak Majlis.</i></p>	Makluman

	4.6	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 6 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 SEPTEMBER 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.6.1	<p>Perkara 4.4.2</p> <p>Encik Ang Eu Liang mencadangkan pihak Majlis mengeluarkan permit penjaja sementara kepada penjaja dan peniaga kecil yang berniaga di tepi rumah atau tepi jalan yang sesuai seperti yang telah dilaksanakan oleh beberapa PBT Negeri Selangor yang lain.</p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan telah menerima satu surat arahan daripada Kerajaan Negeri Selangor supaya melesenkan peniaga kecil yang berniaga di hadapan rumah dan garis panduan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan yang akan datang.</i></p>	Makluman
	4.6.2	<p>Encik Mat Irwan memaklumkan satu Majlis Angkat Sumpah Pelantikan Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT) akan diadakan pada 26 September 2020 ini oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. PeKT ini akan bergerak untuk membantu masyarakat dan komuniti di kawasan masing-masing. Beliau khuatir akan berlaku pertindihan kuasa dan peranan di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian susulan pelantikan PeKT ini.</p> <p><i>Encik Wong Kim Loon menyatakan pihaknya mengalu-alukan pelantikan PeKT tersebut sekiranya pihak tersebut bersedia bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pihak Majlis belum menerima maklumat berkaitan pelantikan PeKT ini daripada mana-mana pihak dan pihak Majlis adalah tertakluk kepada arahan serta dasar-dasar Kerajaan Negeri.</i></p>	Makluman

	4.7	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 5 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 SEPTEMBER 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
5.0	<u>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u>		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 10 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 OGOS 2020.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 11 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN 28 OGOS 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	5.2.1	<p>Encik Gan Yee Chin mencadangkan pihak Majlis membuat satu program/majlis penghargaan kepada pemilik kilang yang telah berjaya menyertai program pemutihan kilang tanpa kebenaran. Ini untuk menggalakkan lebih ramai pemilik kilang menyertai program tersebut.</p> <p><i>Encik R.Haridass memaklumkan banyak kilang yang dibina di zon pertanian dan pemilik tanah enggan menukar syarat tanah kepada zon perindustrian menyebabkan kilang tidak dapat menyertai program pemutihan.</i></p> <p><i>Pengarah JPP memaklumkan garis panduan program pemutihan tersebut ada menyatakan kilang-kilang yang berada di luar zon perindustrian akan dibincangkan di peringkat Kerajaan Negeri. Program pemutihan ini telah bermula sejak tahun 2008 dan pemilik kilang perlu mengambil tindakan sewajarnya dengan menyertai program ini.</i></p>	Makluman

6.0	<u>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</u>		
	6.1	<p><u>ADDENDUM NO. 1</u></p> <p>KERTAS PEMAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL SEWAAN PREMIS PERNIAGAAN BILANGAN 4/2020.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk makluman mesyuarat.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Iklan kekosongan premis telah dilakukan pada 20 Julai 2020 hingga 4 Ogos 2020 melibatkan 72 unit premis. 2. Pihak Jabatan telah menerima 74 permohonan premis dan 6 permohonan untuk hal-hal lain melibatkan permohonan penambahan dan pertukaran jenis perniagaan serta rayuan permohonan semula premis yang telah dibatalkan sewaan. 3. Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Sewaan Premis Perniagaan yang diadakan pada 18 September 2020 telah bersetuju membuat keputusan seperti di Lampiran A. <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum kertas mesyuarat ini.</p>	JPPH
7.0	<u>UCAPAN PENANGGUHAN</u>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan Rahimah binti Harun.		
	7.1	<p>Beliau mengucapkan selamat pagi dan salam sejahtera kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.</p> <p>Beliau telah menyampaikan serangkap pantun seperti berikut :</p> <p>Mencari timba si anak dara, Di bawah sarang burung tempua, Salam sembah pembuka bicara, Selamat datang untuk semua.</p>	Makluman

		Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.	
	7.2	<p>Beliau memanjatkan rasa kesyukuran kerana diberikan amanah untuk menjawat jawatan sebagai Ahli Majlis dan amat menghargai bantuan yang diberikan oleh kakitangan MPKL. Sehubungan dengan itu, pada 9 September 2020 telah berlangsung Majlis Perisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.</p> <p>Oleh itu, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga MPKL kerana dapat menjayakan dan memeriahkan majlis tersebut.</p>	Makluman
	7.3	Dalam keadaan norma baharu ini, banyak pekerja kehilangan pekerjaan mereka. Namun begitu, terdapat beberapa inisiatif yang disediakan untuk membantu mereka ini seperti pemberian lesen penjaja sementara kepada peniaga-peniaga kecil ekoran COVID-19 ini.	Makluman
	7.4	<p>Beliau menyeru kepada semua Ahli Majlis supaya meminta kebenaran terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti di zon Ahli Majlis yang lain. Ini untuk menggalakkan kerjasama sesama Ahli Majlis kerana Ahli Majlis mempunyai visi dan misi yang sama walau pun berbeza zon/kawasan.</p> <p>Ahli Majlis juga perlu bersyukur kerana mempunyai saluran bantuan untuk memudahkan penyelesaian masalah yang timbul di zon masing-masing. Tambahan pula semua pengarah Jabatan MPKL bersedia membantu memudahkan penyelesaian masalah tersebut.</p>	Makluman
	7.5	<p>Beliau memohon maaf sekiranya terdapat salah dan silap serta keterlanjuran kata sepanjang menjalankan tugas sebagai Ahli Majlis.</p> <p>Beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun :</p> <p>Bunga seroja di atas para, Jatuh ditimpa buah berangan, Andai kata tersilap bicara, Kemaafan jua yang dipohonkan.</p>	Makluman

8.0	<u>UCAPAN PENUTUP OLEH PENERUSI</u>		
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan seterusnya menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.35 pagi.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,
 Jabatan Khidmat Pengurusan
 Majlis Perbandaran Kuala Langat
 Tarikh : 24/9/2020

Disemak oleh :

.....
(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)
 Setiausaha,
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)
 Yang Dipertua,
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
 dan disokong oleh

rosnawati/mesyuarat mpkl bil.7/2020

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
17. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
18. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN